

## **Hubungan Antara Tingkah laku Keibubapaan dengan Penghargaan Kendiri di kalangan Remaja**

**Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya  
Jamaludin Ramli  
Wei May Lin  
FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITY TEKNOLOGI MALAYSIA**

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara tingkah laku keibubapaan dengan penghargaan kendiri di kalangan remaja. Tiga corak hubungan tingkah laku keibubapaan yang dikaji ialah sokongan, penglibatan dan sokongan. Subjek kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar yang dipilih secara rawak dari Sekolah Menengah Katholik di Petaling Jaya. Alatan kajian Coopersmith Self-Esteem Inventory digunakan sebagai alat pengukuran penghargaan kendiri. Alat Ujian yang digunakan untuk mengukur persepsi anak terhadap tingkah laku keibubapaan adalah direkabentuk oleh pengkaji sendiri. Data kajian dianalisis dengan teknik min, sisihan piawai, ujian T, anova, korelasi dan regresi. Secara keseluruhan hasil keputusan menunjukkan bahawa tingkah laku keibubapaan adalah berhubung dengan penghargaan kendiri remaja. Di antara tiga dimensi tingkah laku keibubapaan , didapati sokongan dan penglibatan ibu bapa adalah berhubung secara positif dengan penghargaan kendiri remaja, manakala corak jenis kawalan ibu bapa adalah hubungan negatif dengan penghargaan kendiri remaja. Jika dilihat dari segi jantina remaja, adalah didapati penghargaan kendiri remaja lelaki adalah lebih berhubung dengan dimensi kawalan dan penglibatan ibu bapa, sementara penghargaan kendiri remaja perempuan adalah lebih berhubung dengan sokongan dan kawalan ibu bapa. Implikasi utama kajian ini adalah mendedahkan bahawa tingkah laku keibubapaan adalah memainkan peranan penting dalam pembentukannya penghargaan kendiri remaja.

### **Pengenalan**

Dalam pusingan hidup manusia, zaman remaja merupakan satu peringkat perkembangan yang penting dalam kehidupan seseorang individu kerana ia merupakan satu jangka masa peralihan daripada alam kanak-kanak yang perlu dilalui oleh setiap individu bagi menyediakan dirinya ke alam dewasa.

Mengikut buku Pembimbing Rakan Sebaya, yang dikeluarkan oleh Unit Bimbining & Kauseling Bahagian Sekolah dari Institut Aminuddin Baki , Remaja ialah mereka yang berada di dalam peringkat umur 12 tahun hingga 18 tahun.

Ahli psikologi, Hall (1995), mengaitkan fenomena '*storm and stress*' dengan golongan remaja. Hall memperkenalkan konsep '*storm and stress*' yang melihat zaman remaja sebagai tempoh masa yang penuh huru-hara, penuh cabaran, pemberontakan terhadap autoriti orang dewasa dan perubahan fizikal, intelektual dan sosial. Pendek kata '*storm and stress*' bolehlah dikatakan sebagai keadaan yang tidak stabil dengan berbagai cabaran dan tekanan.

Dalam proses perkembangan ini kadang-kadang remaja boleh menyesuaikan dirinya dengan baik dan seterusnya mewujudkan zaman kegemilangan dalam proses perkembangan. Namun terdapat juga remaja yang sering menghadapi pelbagai masalah sehingga membawa kepada peristiwa yang tidak diingini.

Hampir setiap hari, terpapar di dalam akhbar pelbagai kes yang melibatkan golongan remaja. Pelbagai perilaku buruk seperti memukul guru, bergaduh, memeras ugut, memukul kawan, mencuri, merosakkan harta sekolah dan terlibat dengan pengedaran dan penyalahgunaan dadah. Terdapat juga remaja yang menyertai kumpulan-kumpulan samseng. Mereka juga tidak malu merokok, ponteng sekolah, melepak dan lain-lain perbuatan yang tidak bermoral secara terbuka.

Mengikut statistik yang diperolehi dari Pusat Sumber, Suratkhabar Sin Chew Jit Poh, (5.2.2002), kes pesalah remaja adalah seperti berikut :

- 1999 kes pesalah remaja ( Pelajar ) – 2971 orang
- 1999 kes pesalah remaja ( Bukan Pelajar ) – 3097 orang
- 2000 kes pesalah remaja ( Pelajar ) – 2714 orang
- 2000 kes pesalah remaja ( Bukan Pelajar ) – 2991 orang

Oleh itu, kesan perubahan personal dan kesejahteraan sosial remaja ini perlu diberi perhatian supaya dapat membantu mereka menyesuaikan diri dengan lebih berkesan. Sehingga kini, pelbagai sebab mengenai masalah perkembangan remaja telah dihubungkait dengan konteks perhubungan keluarga. Dengan itu, maklumat tentang faktor-faktor yang menyebabkan kewujudan fenomena tersebut adalah penting supaya langkah-langkah yang sesuai dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan .

### **Latar belakang masalah**

Golongan remaja merupakan aset yang penting dalam sesebuah negara. Golongan ini adalah pewaris negara ini pada masa depan. Merekalah yang akan memimpin dan

membangunkan negara. Justeru itu, golongan remaja harus dididik dengan baik agar pembangunan masa depan sesebuah negara lebih terjamin

Dalam bukunya ‘Childhood and Society’, Erikson (1963), menyarankan bahawa perkembangan ego yang ditekankan dalam masa remaja ialah pembentukan identiti. Beliau telah menekankan kepentingan perkembangan penghargaan kendiri dan keunikian individu dalam proses pembentukan identiti dengan mengatakan bahawa perkembangan personaliti yang sempurna bergantung kepada kebebasan individu dalam menentukan pilihan sendiri.

Hall (1965), pernah menggunakan istilah ‘flapper’ untuk mendefinisikan remaja yang diumpamakan seperti “burung di dalam sarang yang cuba terbang walaupun bulu kepaknya belum cukup panjang”. Pada masa ini, seseorang remaja itu akan berusaha untuk mencari statusnya sebagai seorang individu yang berdikari dan berusaha untuk membebaskan dirinya daripada autoriti ibu bapa. Ini disebabkan seseorang individu itu bertambah sedar tentang kewujudan dirinya, maka perkembangan penghargaan kendiri membolehkannya membina dan mengintegrasikan konsep tentang dirinya.

Kepentingan penilaian kendiri dan persepsi kendiri ditekan kerana penilaian kendiri dapat membawa kesan yang penting dalam kesejahteraan hidup seseorang individu seperti yang disarankan oleh Hobbes dalam petikan Rosenberg (Leahy, 1985), yang mengatakan bahawa kegembiraan yang paling besar dalam jiwa seseorang manusia

ialah memiliki pandangan yang tinggi terhadap diri sendiri. Sementara itu, persepsi kendiri pula menunjukkan keyakinan kendiri yang ada pada diri seseorang individu yang akan memainkan peranan dalam menentukan kejayaan atau kegagalan hidup individu tersebut.

Kesedaran tentang pentingnya konsep kendiri yang melibatkan penghargaan kendiri di kalangan remaja mungkin berbeza antara remaja yang lain. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang dominan dalam diri dan juga keluarga. Antara faktor yang dikenal pasti sebagai pendorong utama remaja mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi ialah faktor keluarga. Keluarga merupakan satu institusi yang banyak memainkan peranan dalam mewujudkan penghargaan kendiri dalam diri anak-anak.

Menurut Rosenberg (1979), individu yang tinggi penghargaan kendiri akan menghormati dirinya dan menganggapkan dirinya sebagai individu yang berguna. Manakala individu yang rendah penghargaan kendiri pula tidak dapat menerima dirinya dan menganggapkan dirinya tidak berguna dan serba kekurangan. Setelah memahami tentang kepentingan penghargaan kendiri dalam kehidupan kita, maka seterusnya timbulah persoalan tentang cara penghargaan kendiri itu berkembang.

Ranjit Singh Malhi(1997) dalam bukunya Harga Diri, juga menyaran bahawa perkembangan harga diri bermula sejak kelahiran kita. Pakar-pakar psikologi umumnya bersetuju bahawa pengalaman awal ketika zaman kanak-kanak dan masa remaja mempunyai kesan besar terhadap perkembangan harga diri . Keluarga sebagai agen pertama pemasyarakatan mengemukakan petunjuk awal kepada seorang kanak-kanak sama ada dia diterima atau tidak, disayangi atau tidak, dan layak untuk hidup atau tidak imej diri awal kita dibentuk oleh komen-komen tentang diri kita oleh ibu bapa kita. Para penyelidik mendapati bahawa pertimbangan yang dibuat oleh ibu bapa bertahan lama di kalangan individu hingga ke zaman dewasa.

Penyelidikan yang diperolehi dalam buku Psikologi Remaja, Jas Laile Suzana Jaafar (2002), juga menunjukkan bahawa pola pengasuhan anak-anak banyak sekali mempengaruhi harga diri. Ibu bapa yang mempunyai harga diri tinggi cenderung membesar anak-anak mereka dengan harga diri yang tinggi. Sebaliknya, ibu bapa yang mempunyai harga diri rendah cenderung membesar anak-anak yang rendah harga dirinya.

Kajiannya dibuat bahawa keibubapaan yang autoritarian dan permisif cenderung membesar anak-anak yang rendah harga dirinya. Manakala keibubapaan berwibawa cenderung membesar anak-anak yang tinggi harga dirinya.

Ibu bapa yang autoritatif, menggunakan arahan tentang apa yang mesti dilakukan oleh anak dan tidak berasa bertanggung jawab untuk menjelaskan kenapa arahan itu diberi. Mereka bersifat sangat menuntut dan tidak responsif malah lebih suka jika anak taat dan patuh. Jika anak engkar, ia akan dihukum. Perbincangan secara terbuka atau interaksi dua-hala di antara ibu bapa dan anak tidak digalakkan kerana ibu bapa pendapat anak tidak boleh mempersoalkan apa-apa, hanya menerima dan menurut sahaja apa kata ibu bapa.

Sehubungan dengan ini, kajian akan dibuat untuk melihat faktor tingkah laku keibubapaan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi konsep kendiri anak remaja.

### **Penyataan masalah**

Kajian ini dibuat untuk melihat sejauhmanakah fenomena keluarga khususnya ketingkahlakuan ibu bapa dapat mempengaruhi penghargaan kendiri anak-anak remaja mereka. Kajian ini menumpukan kepada tiga corak dimensi layanan ibu bapa iaitu sokongan, penglibatan dan kawalan ibu bapa ke atas remaja.

### **Objektif kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmanakah fenomena keluarga khususnya tingkah laku keibubapaan dapat mempengaruhi penghargaan kendiri anak-anak remaja mereka. Kajian ini menumpukan kepada tiga dimensi tingkah laku keibubapaan iaitu sokongan, kawalan dan penglibatan dalam perhubungan penghargaan kendiri anak-anak remaja. Fokus objektifnya adalah seperti berikut :

- a. Untuk mengenal pasti hubungan sokongan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja
- b. Untuk mengenal pasti hubungan penglibatan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja .
- c. Untuk mengenal pasti hubungan kawalan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja
- d. Untuk mengetahui sama ada perbezaan di antara sokongan, penglibatan dan kawalan ibu bapa mengikut jantina.
- e. Untuk mengetahui sama ada perbezaan di antara penghargaan kendiri remaja lelaki dengan remaja perempuan.
- f. Untuk mengetahui jenis tingkah laku yang dominan di kalangan ibu bapa remaja.

### **Persoalan kajian**

Dalam konteks kajian ini, ketingkahlakuan keluarga diandaikan sebagai pembolehubah yang utama dalam mempengaruhi konsep kendiri remaja. Ibu bapa merupakan orang yang mempunyai pengaruh dan signifikan dalam hidup seseorang remaja. Bersesuaian dengan tujuan kajian ini, persoalan yang ingin dikaji ialah :

1. Adakah sokongan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan kendiri remaja ?
2. Adakah penglibatan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan kendiri remaja ?

3. Adakah kawalan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan kendiri remaja ?
4. Adakah terdapat perbezaan sokongan ibu bapa di antara remaja lelaki dan perempuan ?
5. Adakah terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa di antara remaja lelaki dan perempuan ?
6. Adakah terdapat perbezaan kawalan ibu bapa di antara remaja lelaki dan perempuan ?
7. Adakah terdapat perbezaan penghargaan kendiri di antara remaja lelaki dengan remaja perempuan?
8. Apakah jenis tingkah laku ibu bapa yang dominan di kalangan ibu bapa remaja ?

### **Hipotesis Kajian**

Sebanyak 3 hipotesis dibentuk berdasarkan pendekatan tingkah laku yang dibahagikan kepada sokongan, penglibatan dan kawalan ibu bapa yang dapat mempengaruhi penghargaan kendiri remaja :

1. Terdapat sokongan ibu bapa yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan kendiri remaja.
2. Terdapat penglibatan ibu bapa yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan kendiri remaja.
3. Terdapat kawalan ibu bapa yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan penghargaan kendiri remaja.

### **Kepentingan kajian**

Kajian juga dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa bahawa tingkah laku keibubapaan bertanggung jawab untuk melahirkan penghargaan kendiri yang positif di kalangan anak-anak remaja mereka. Adalah penting kerana ia dapat menentukan kejayaan dan kegagalan mereka. Oleh itu, kesedaran dan pemahaman awal ibu bapa adalah mustahak. Di samping itu, ramai ibu bapa beranggapan bahawa mereka harus membesarakan anak-anak mereka sebagaimana mereka diperbesarkan dahulu seperti dididik secara diktator. Tidak kurang juga ibu bapa yang bertanggapan bahawa perjagaan anak-anak adalah perkara yang mudah dan dengan itu mereka tidak banyak memberi perhatian terhadap anak mereka.

Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada guru sekolah, guru kaunseling dan sesiapa yang berminat dalam hal kebajian remaja supaya langkah-langkah yang berfaedah kepada perkembangan psikologi dan kendiri remaja dapat dilakukan.

Tingkah laku ibu bapa mempengaruhi tingkah laku anak-anak remaja. Ini kerana ramai anak remaja yang berada dibawah penjagaan ibu bapa. Semua tingkah laku yang dilakukan oleh remaja akan dikawal oleh ibu bapa. Mereka berhak menerima atau menolak semua tingkah laku yang dilakukan oleh remaja. Segala tindak-tanduk ibu bapa ini akan memberi kesan ke atas keyakinan diri, kesedaran diri, penerimaan diri dan sebagainya. Oleh itu dapatlah kita kata bahawa cara asuhan ibu bapa sangat penting dalam menentukan konsep kendiri samada positif atau negatif.

Kajian ini akan cuba dapat memberikan gambaran bagaimanakah suasana yang seharusnya diwujudkan bagi menghasilkan seorang remaja yang mempunyai konsep kendiri yang lebih positif. Ini kerana konsep kendiri merupakan peranan yang penting dalam pembentukkan personaliti seseorang remaja. Apabila seseorang remaja itu mempunyai konsep kendiri yang positif, sudah pasti sikap yang mereka pamerkan dan bertingkah laku yang baik.

Diharap hasil daripada penyelidikan ini akan dapat menolong badan perancangan, khususnya biro rancangan pendidikan keibubapaan yang boleh menggunakan maklumat ini dalam perancangan program selanjutnya. Di samping itu, diharapkan kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada orang ramai di masyarakat kita untuk membuat kajian seterusnya supaya dapat memberi kemanfaatan kepada orang ramai.

### **Skop dan batasan kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik, Petaling Jaya. Ia merupakan sekolah yang terbesar dan terlama disamping gred A di kawasan Petaling Jaya. Kajian ini melibatkan pelajar lelaki dan perempuan seramai 120 orang responden yang terdiri dari tingkatan 1, 2 dan 4. Responden dipilih secara rawak.

Kajian ini hanya menumpukan kepada dimensi sokongan, penglibatan dan kawalan ibu bapa sebagai pemboleh ubah bebas, maka generalisasi data kajian ini amat terbatas dan tidak dapat memberi gambaran yang menyeluruh berkenaan ciri-ciri keluarga yang memberi kesan ke atas perkembangan penghargaan kendiri remaja.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah satu kajian lapangan yang menggunakan soalselidik sebagai alat untuk mengumpul data. Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah keluarga khususnya tingkah laku keibubapaan mempengaruhi penghargaan kendiri di kalangan remaja. Subjek kajian ini adalah dipilih daripada sebuah sekolah menengah di Bandar Petaling Jaya. Soal selidik yang digunakan di dalam kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu mengumpul maklumat tentang latar belakang subjek, tingkah laku keibubapaan yang dipersepsi oleh subjek dan penghargaan kendiri subjek.

### **Tempat Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Katholik di Bandar Petaling Jaya. Sekolah ini dipilih kerana pengkaji ingin membuat generalisasi terhadap sekolah ini sahaja kerana

batasan-batasan yang dihadapi oleh pengkaji seperti yang dijelaskan di awal tadi. Oleh kerana populasi sasarnya terdiri dari remaja bandar yang lebih dipengaruhi kepada berbagai aspek seperti rakan sebaya, mass media atau sekitaran masyarakat. Responden juga mewakili keluarga pertengahan dan pendidikan.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Seramai 120 orang pelajar telah dipilih sebagai subjek kajian. Pemilihan subjek dilakukan secara rawak. Bagi memenuhi objektif kajian, sampel yang dipilih adalah berdasarkan kaedah pensampelan susun lapis, atau strata. Sampel susun lapis merupakan satu kaedah memilih sampel secara rawak tetapi dari setiap strata dalam populasi. (Mohd.Najib,1999). Oleh itu, sampel dipilih secara rawak berdasarkan umur dan jantina. Kesemua subjek dalam kajian ini adalah berumur antara 13 –17 tahun.

### **Jadual 1. Taburan Pemilihan Sampel Kajian Mengikut Umur dan Jantina**

UMUR	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
13	9	17	26
14	12	13	25
15	13	13	26
16	10	10	20
17	11	12	23
<b>JUMLAH</b>	<b>55</b>	<b>65</b>	<b>120</b>

### **Instrumen Kajian**

Soal selidik yang digunakan untuk mengukur persepsi subjek terhadap tingkah laku keibubapaan adalah satu set item yang telah dipilih dan diubahsuai oleh pengkaji sendiri dengan berpandukan kepada item-item yang terdapat dalam Schaefer's Children Report of Parental Behaviour Inventory (CRPBI), sementara set soal selidik 'Culture-Free Self-Esteem Inventory' (CFSEI) oleh Battle (1981) untuk remaja bagi mengukur penghargaan kendiri.

Bahagian A : Maklumat latar belakang responden

Bahagian B : Soal selidik CRPBI ( Tingkah laku keibubapaan )

Bahagian C : Soal selidik CFSEI ( Penghargaan Kendiri )

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan dengan bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen yang telah dibina dan memastikan soalan yang terdapat di dalam soal selidik sesuai dengan situasi responden dan mudah difahami oleh responden.

Kebolehpercayaan alat ujian ini diuji dengan menggunakan formula Alpha Crosbach . Hasil yang diperolehi didapati keseluruhan alat kajian yang digunakan adalah tinggi dan boleh digunakan untuk kajian. (Sila rujuk jadual 8)

### **Jadual 8 : Nilai kebolehpercayaan setiap skala dimensi tingkah laku keibubapaan dan penghargaan kendiri**

Dimensi	Ujian Kebolehpercayaan (Alpha)
---------	--------------------------------

Sokongan	0.7179
Penglibatan	0.6326
Kawalan	0.5895
Penghargaan Kendiri	0.5676
Keseluruhan	0.7068

### **Analisis Data**

Data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan komputer. Bagi memudahkan tugas penganalisaan, data yang diperolehi dianalisa dengan perisian ‘Statistical Package For Social Science’ (SPSS) for Window Version 11.0.

Penyelidik memilih pendekatan diskriptif dan inferensi dalam kajian ini. Pendekatan diskriptif yang digunakan terdiri daripada peratusan, frekuensi. Peratusan dan frekuensi digunakan bagi menunjukkan komposisi demografi responden. Sementara bagi pendekatan inferensi, korelasi Pearson digunakan untuk melihat perhubungan antara dimesi-dimensi tingkah laku keibubapaan dengan penghargaan diri. Manakala ujian-*t* digunakan untuk melihat perbezaan antara penghargaan kendiri di antara jantina. Data-data mentah yang diperolehi akan disusunkan mengikut jadual dalam bentuk peratusan, min, korelasi dan ujian-*t*.

### **Analisa Dapatan dan Perbincangan**

#### **1 Hubungan yang signifikan di antara sokongan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja.**

Hipotesis pertama mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan di antara sokongan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat sokongan ibu bapa yang amat tinggi (0.97), hubungannya antara sokongan dengan penghargaan kendiri remaja adalah signifikan (0.00) pada aras 0.05.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa sebagai orang yang signifikan dalam kehidupan remaja masih memainkan peranan yang penting dalam perkembangan penghargaan kendiri seseorang remaja.

#### **Hubungan yang signifikan di antara penglibatan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja.**

Hipotesis kedua mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat penglibatan ibu bapa berhubung dan signifikan dengan penghargaan kendiri yang kedua tinggi (0.60). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja adalah signifikan (0.00) pada aras 0.05.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa sebagai orang yang signifikan dalam kehidupan remaja masih memainkan peranan yang penting dalam perkembangan penghargaan kendiri seseorang remaja.

**Hubungan yang tidak signifikan di antara kawalan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja.**

Hipotesis ketiga mengandaikan terdapat hubungan yang signifikan di antara kawalan ibu bapa dengan penghargaan kendiri remaja. Manakala keputusan kajian menunjukkan kawalan ibu bapa tidak mempunyai hubungan secara signifikan dengan penghargaan kendiri.

**Terdapat perbezaan sokongan ibu bapa yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan.**

Hipotesis keempat mengandaikan terdapat perbezaan sokongan ibu bapa yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan. Didapati min konsep penghargaan kendiri lelaki 17.02, manakala min perempuan ialah 16.91, terdapat perbezaan yang signifikan dengan analisis ujian-*t* iaitu  $0.035 < 0.05$ .

Hasil kajian ini didapati memang remaja lelaki lebih memerlukan sokongan daripada perempuan dalam peringkat remaja. Oleh kerana pertumbuhan fizikal remaja lelaki adalah pesat dalam peringkat ini, mereka lebih beremosi dan bergantung kepada ibu bapa. Kurangnya sokongan ibu bapa, akan timbulah rendah penghargaan kendiri, pencapaian akademik rendah, tingkah laku impulsive, penyesuaian sosial buruk atau mungkin anti sosial berlaku. (Peterson & Rolkins, 1987).

**Tidak Terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan.**

Hipotesis kelima mengandaikan terdapat penglibatan ibu bapa yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan.

Keputusan daripada analisa yang telah dibuat mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan. Ini jelas dilihat dengan keputusan analisis Ujian-*t* di mana  $0.68 > 0.05$ .

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan. Henry, Wilson dan Peterson (1989) mendapati semua remaja memerlukan perhatian dan *companionship* dari ibu bapa.

**Tidak terdapat perbezaan yang signitifikan dari segi kawalan ibu bapa di antara remaja lelaki dan perempuan**

Hipotesis keenam mengandaikan terdapat perbezaan yang signitifikan dari segi kawalan ibu bapa.

Keputusan daripada analisa yang telah dibuat mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara remaja lelaki dan perempuan. Ini jelas dilihat dengan keputusan Ujian-*t*  $0.43 > 0.05$ .

**Tidak terdapat perbezaan yang signifikan penghargaan kendiri di antara remaja lelaki dan perempuan.**

Keputusan daripada analisa yang telah dibuat mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara penghargaan kendiri remaja lelaki dan perempuan. Ini jelas dilihat dengan keputusan Ujian-*t*  $0.66 > 0.05$ . Dengan sebab ini, hipotesis yang dibina telah ditolak.

## **Dimensi tingkah laku keibubapaan**

Analisis kajian secara keseluruhan mendapati dimensi kawalan adalah tertinggi atau terkuat sekali mengikut minnya iaitu 1.930, diikuti dimensi penglibatan skor min purata 1.766 , manakala dimensi sokongan adalah paling rendah sekali ialah 1.698. Dengan keputusan ini, diikuti bahawa kawalan ibu bapa merupakan dominan di kalangan ibu bapa.

Daripada hasil kajian ini dapatkan dikatakan bahawa kawalan ibu bapa juga dapat mempengaruhi penghargaan kendiri anak-anak remaja. Anak-anak remaja akan merasakan diri mereka dihargai dan diterima oleh keluarga jika ibu bapa mereka tidak terlalu menggongkong pergerakkaan dan tingkah laku mereka.

## **Cadangan**

Setakat ini kajian tempatan tentang hubungan di antara hubungan keluarga dengan perkembangan kendiri anak-anak remaja masih lagi kekurangan. Keadaan ini menyebabkan sumber rujukan tempatan amatlah kurang jika dibandingkan dengan bahan rujukan luar negeri. Maka disarankan supaya lebih banyak lagi kajian lanjutan mengenai pengaruh ketingkahlakuan ibu bapa ke atas pembentukan penghargaan kendiri remaja dijalankan.

Dalam kajian lanjutan, sampel kajian dicadangkan supaya dapat merangkumi berbagai-bagai aspek yang dapat mengambarkan populasi masyarakat yang sebenar. Maka dengan cara ini, keputusan kajian yang diperolehi itu dapat generalisasi kepada populasi yang lebih luas, misalnya etnik (Melayu, Cina, India), kelas sosioekonomi (kelas bawahan, pertengahan dan atasan ) dan tempat tinggal ( bandar dan luar bandar ).

Dari segi pemboleh ubah-pemboleh ubah yang hendak dikaji, dicadangkan pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti struktur keluarga, jenis keluarga, kualiti hubungan ibu bapa dengan anak dan kualiti hubungan adik-beradik juga diambil kira. Di samping itu, dicadangkan kajian lanjutan juga tidak sahaja mengambil kira tingkah laku

keibubapaan dalam latar keluarga, tetapi juga ambil dari luar keluarga, seperti rakan sebaya dan sekolah.

Seterusnya, faktor-faktor lain dalam kehidupan remaja mungkin juga lebih menyumbang kepada penghargaan kendiri remaja selain daripada ketingkahlakuan ibu bapa seperti pergaulan dengan rakan sebaya, kebolehan fizikal dan mental dan pencapaian akademik mungkin juga menjadi penting dalam mempengaruhi pembentukan penghargaan kendiri. Maka dalam kajian lanjutan, pemboleh ubah-pemboleh ubah seperti yang disebutkan di atas juga boleh membina satu model yang lebih lengkap berkenaan dengan faktor-faktor yang menyumbangkan kepada perkembangan penghargaan kendiri.

Daripada segi cara pengumpulan data, dicadangkan data bagi aspek tingkah laku keibubapaan data dikumpul daripada pihak ibu bapa dan juga pihak remaja supaya keputusan dapat memberi implikasi berkenaan perbezaan interpretasi makna tingkah laku luaran bagi kedua-dua pihak iaitu ibu bapa dan remaja.

### **Penutup**

Secara keseluruhannya didapati bahawa penilaian kendiri remaja adalah berpadanan dengan persepsi individu tentang tindak balas ibu bapa terhadap mereka. Dimensi tingkah laku keibubapaan yang berunsur sokongan dan penglibatan didapati berhubungan secara positif dengan penghargaan kendiri remaja kerana dimensi-dimensi ini dapat memberi tanda saran kepada remaja berkenaan nilai yang ada pada dirinya dan kepentingannya dalam hidup ibu bapa, sementara dimensi kawalan yang membawa unsur negatif didapati berhubungan secara negatif, ini disebabkan kawalan merupakan satu percubaan ibu bapa untuk mengawal dan mengarah tingkah laku dan aktiviti anak yang mungkin menghalang peluang mereka untuk menjelajahi alam sekitar.

Penyelidik berharap dapat membantu pihak tertentu supaya boleh membuat rujukan atas kajian yang telah dikaji. Justerunya, dapat memperkembangkan kajian lanjutan mengenai pengaruh keluarga keatas pembentukkan penghargaan kendiri remaja dijalankan dalam masa yang kelak.

### **RUJUKAN**

- Baumrind, D.(1965). Parental control and parental love. "Children," 12, 230 – 234.
- Block, J., & Tarula, E.(1963). Identification, ego, control and rebellions. "Child Development," 34, 945 – 953.
- Coopersmith, S.C. (1987). "Self-Esteem Inventories." California: Consulting Psychologists Press, Inc.
- Demo, D.H., Small, S.A., & Savin-Williams, R.C.(1987). "Family relations and the self-esteem of adolescents and their parents." Journal of Marriage and the family, 49, 705-715.
- Erikson, E.H. (1963). "Childhood and Society." New York: Norton.
- Gecas, V., & Schwalbe, M.L.(1986). "Parental behaviour and adolescent self-esteem." Journal of Marriage and the Family, 48, 37-46.
- Hall, E.(1982). "Child psychology today." New York: Random House.

Litvosky, V.G., & Dusek, J.B. (1985). "Perceptions of child rearing and self-concept development during the early adolescent years." *Journal of Youth and Adolescence*, 14(5), 373-387.

Mohd.Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidkikan Malaysia.

Mohd.Najib Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan ." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Muss, R.E.(1969). "Theories of adolescence." New York: Random House Inc.

Ranjit Singh Malhi(1997). "Harga Diri." Kuala Lumpur: Self Esteem Seminars Sdn.Bhd.